

D.R. 30/90

**Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia**

**RANG UNDANG-UNDANG BANK  
LUAR PESISIR 1990**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Fungsi, kuasa dan kewajipan Bank.

**BAHAGIAN II**

**PELESENAN BANK-BANK LUAR PESISIR**

4. Perniagaan bank luar pesisir hendaklah dijalankan hanya di bawah lesen.
5. Pengemukakan permohonan untuk lesen kepada Bank.
6. Pemberian atau keengganan memberi lesen oleh Menteri.
7. Kehendak bagi penggunaan, dan sekatan alas penggunaan, perkataan-perkataan "bank luar pesisir", dll.
8. Pembatalan lesen.
9. Penyerahan balik lesen.
10. Bank luar pesisir berlesen hendaklah menghentikan perniagaan bank luar pesisir apabila lesen dibatalkan atau diserahkan balik .
11. Amaun minimum wang modal.
12. Pindaan atau pengubahan dokumen konstituen bank luar pesisir berlesen.
13. Bank hendaklah menyiarkan senarai bank luar pesisir berlesen.

## BAHAGIAN III

## KEWAJIPAN-KEWAJIPAN BANK LUAR PESISIR BERLESEN

Fasal

14. Pejabat-pejabat dan subsidiari-subsidiari.
15. Larangan ke atas akaun tertentu.
16. Perlantikan dan tugas-tugas juruaudit.
17. Penyata-penyata kewangan hendaklah dikemukakan kepada Bank.
18. Statistik dan maklumat hendaklah dikemukakan kepada Bank.
19. Fee lesen.
20. Urusniaga dalam matawang Malaysia adalah dilarang.

## BAHAGIAN IV

## KERAHSIAAN

21. Sekatan penyiasatan secara khusus mengenai hal-ehwal pelanggan tertentu.
22. Kerahsiaan.
23. Penentusahan pengemukaan bank luar pesisir berlesen.

## BAHAGIAN V

## PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

24. Penalti am.
25. Kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan.
26. Tanggungrugi.
27. Peraturan-peraturan.
28. Pemakaian Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan Akta Syarikat 1965.
29. Pemakaian Akta Kawalan Pertukaran 1953.
30. Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 tidaklah terpakai.
31. Kuasa Menteri untuk mengecualikan.
32. Bayaran daripada akaun simati.

JADUAL.

## RANG UNDANG-UNDANG

### *bernama*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuasa.

2, (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Bank" ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan oleh Ordinan Bank Negara Malaysia 1958; Ord 61/58

"bank luar pesisir berlesen" ertinya suatu bank luar pesisir yang dilesenkan di bawah seksyen 6 (2);

"bank luar pesisir" ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir;

"bank luar pesisir Malaysia berlesen" ertinya suatu bank luar pesisir berlesen yang adalah pejabat, atau subsidiari, sebuah bank Malaysia;

*Akta 372.* "bank Malaysia" ertinya bank berlesen sebagaimana ditakrifkan di dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau bank Islam sebagaimana ditakrifkan di dalam Akta Bank Islam 1983;

*Akta 276* "berkaitan", berhubungan dengan suatu perbadanan, ertinya berkaitan mengikut pengertian seksyen 4 Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;

"ditentukan", jika tiada cara disebutkan, ertinya ditentukan dari semasa ke semasa secara bertulis, dan suatu kuasa untuk menentukan termasuklah kuasa untuk menentukan cara berlainan bagi orang-orang yang berlainan;

"ditubuhkan", berhubungan dengan seseorang yang • dinyatakan dalam ruang pertama Jadual, mempunyai erti yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual tersebut yang bertentangan dengan orang itu;

"dokumen konstituen", berhubungan dengan pemohon di bawah seksyen 5 atau suatu bank luar pesisir berlesen, ertinya statut, piagam, memorandum persatuan dan perkara-perkara persatuan, kaedah-kaedah, undang-undang kecil, perjanjian perkongsian, atau suratcara lain, yang di bawahnya atau dengannya pemohon atau bank luar pesisir berlesen itu ditubuhkan dan struktur pengelolaan dan pentadbirannya dan skop fungsi, perniagaan, kuasa dan kewajipannya dinyatakan, sama ada terkandung dalam satu dokumen atau lebih;

"kemudahan kredit" ertinya—

- (a) apa-apa pendahuluan, pinjaman atau lain-lain kemudahan dalam apa-apajubentuk atau dengan apa-apa jua namanya disebut yang dengan pemberiannya orang yang diberi pendahuluan, pinjaman atau kemudahan lain itu mempunyai

akses, secara langsung atau secara tak langsung, kepada wang orang yang memberinya; atau

(b) apa-apa jua liabiliti yang ditanggung bagi pihak mana-mana orang;

"lesen" ertinya lesen yang diberikan di bawah seksyen 6(2);

"liabiliti" termasuklah hutang, kewajipan dan obligasi daripada tiap-tiap jenis, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau sama ada terletak atau kontingen;

"Menteri" ertinya Menteri yang sedang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"modal berbayar", berhubungan dengan pemohon di bawah seksyen 5 atau suatu bank luar-pesisir berlesen, ertinya amaun wang atau harta lain yang disumbangkan oleh peserta-pesertanya bagi ia menjalankan perniagaan tetapi tidak termasuk kemudahan kredit yang diberikan kepadanya oleh peserta-pesertanya;

"pegawai", berhubungan dengan seseorang pemohon di bawah seksyen 5, suatu bank luar pesisir berlesen atau Bank, ertinya mana-mana pekerja, dan termasuklah ketua pegawai eksekutif pemohon, bank luar pesisir atau Bank itu;

"pejabat" termasuklah tempat utama perniagaan, suatu cawangan, agensi, tempat perniagaan bergerak, tempat perniagaan yang diadakan dan disenggarakan hanya bagi suatu tempoh terhad sahaja, terminal elektronik dan mana-mana tempat perniagaan yang lain;

"pengarah", berhubungan dengan seseorang yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual, mempunyai erti yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual tersebut yang bertentangan dengan orang itu;

"perbadanan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;

"perniagaan bank luar pesisir" ertinya perniagaan menerima deposit atas akaun semasa, akaun deposit, akaun simpanan atau mana-mana akaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, dan pemberian kemudahan kredit dalam apa-apa matawang selain daripada matawang Malaysia;

"peserta", berhubungan dengan seseorang yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual mempunyai erti yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual tersebut yang bertentangan dengan orang itu;

"syarikat asing" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di dalam Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;

"syarikat luar pesisir asing" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di dalam Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;

"syarikat pegangan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di dalam Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;

"syarikat luar pesisir" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di dalam Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;

"subsidiari" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;

"wang modal" ertinya modal berbayar dan rizab.

(2) Jika mana-mana orang dikehendaki oleh atau di bawah Akta ini, supaya mengemukakan, menyerahkan atau memberikan kepada Bank apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen, Bank boleh menentukan supaya maklumat, statistik, penyata atau dokumen itu hendaklah dikemukakan, diserahkan atau diberikan dalam apa-apa bentuk dan cara dan dalam apa-apa tempoh atau pada bila-bila lat tempoh atau masa-masa yang takkonsisten dengan apa-apa peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, sebagaimana yang Bank boleh nyatakan dalam penentuan itu; dan orang itu tidak boleh mengemukakan, menyerahkan atau memberikan sebagai benar atau tepat apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen yang dia tahu,

atau mempunyai sebab untuk mempercayai, adalah palsu, tidak tepat atau mengelirukan.

3. (1) Bank hendaklah mempunyai segala fungsi dan kuasa yang diberikan kepadanya, dan kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atasnya, oleh Akta ini, dan fungsi, kuasa dan kewajipan tersebut hendaklah tidak mengurangkan, dan hendaklah tanpa menjejaskan fungsi, kuasa dan tugas yang diberikan kepada Bank di bawah mana-mana undang bertulis lain.

Fungsi, kuasa dan kewajipan Bank.

(2) Bank boleh memberikuasa kepada mana-mana pegawai Bank untuk melaksanakan mana-mana fungsi, menjalankan mana-mana kuasa, atau menunaikan mana-mana kewajipan Bank di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN II

### PELESENAN BANK-BANK LUAR PESISIR

4. Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan bank luar pesisir melainkan—

Perniagaan bank luar pesisir hendaklah dijalankan hanya di bawah lesen.

(a) ia adalah suatu syarikat luar pesisir atau suatu syarikat luar pesisir asing ditubuhkan atau didaftarkan bagi tujuan tunggal dan eksklusif menjalankan perniagaan bank luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan; atau

(b) ia adalah suatu bank Malaysia,

dan memegang suatu lesen sah untuk menjalankan perniagaan sedemikian.

5. (1) Suatu permohonan untuk lesen bagi menjalankan perniagaan bank luar pesisir hendaklah dibuat secara bertulis oleh atau bagi pihak pemohon kepada Menteri dengan mengemukakan permohonan itu kepada Bank.

Pengemukakan permohonan untuk lesen kepada Bank.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) oleh—

(a) suatu syarikat luar pesisir atau suatu syarikat luar pesisir asing, yang ditubuhkan atau didaftarkan bagi tujuan-tujuan selain daripada tujuan tunggal dan eksklusif menjalankan perniagaan bank luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan; atau

(b) suatu bank Malaysia,

hendaklah, melainkan ditentukan selainnya oleh Bank, disertai dengan yang berikut —

- (aa) dokumen konstituen di bawah mana pemohon itu ditubuhkan, disahkan dengan sempurnanya oleh mana-mana pengarah atau pegawai pemohon mengikut apa-apa cara yang sebagaimana disetujuterima oleh Bank;
- (bb) dalam hal suatu permohonan di bawah perenggan (a), pindaan yang dicadangkan kepada dokumen konstituen pemohon yang mengatakan bahawa —
  - (i) objek tunggal dan eksklusif syarikat luar pesisir itu ialah menjalankan perniagaan bank luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan; atau
  - (ii) objek tunggal dan eksklusif syarikat luar pesisir asing itu di Wilayah Persekutuan Labuan ialah menjalankan perniagaan bank luar pesisir,

mengikut mana yang berkenaan;

- (cc)
  - (i) jika pemohon adalah suatu syarikat luar pesisir asing atau suatu bank Malaysia, satu salinan kunci kira-kira beraudit bagi perniagaan pemohon; atau
  - (ii) jika pemohon adalah suatu syarikat luar pesisir yang adalah subsidiari suatu syarikat pegangan, satu salinan kunci kira-kira beraudit bagi syarikat pegangannya; atau
  - (iii) jika pemohon adalah suatu syarikat luar pesisir yang bukannya suatu subsidiari mana-mana perbadanan, satu salinan kunci kira-kira beraudit bagi perniagaan peserta-pesertanya yang setiap seorangnya memegang sepuluh peratus atau lebih daripada modal berbayarnya,

bagi setiap satu daripada tiga tahun kewangan sebelum sahaja tarikh permohonan itu;

- (dd) suatu pernyataan mengenai yang berikut:
- (i) nama, tempat dan tarikh penubuhan pemohon;
  - (ii) perniagaan utama dan tempat utama perniagaan pemohon; dan
  - (iii) nama dan alamat pengarah-pengarah pemohon dan peserta-peserta yang setiap seorangnya memegang sepuluh peratus atau lebih modal berbayar pemohon;
- (ee) suatu jaminan yang didapati, dan suatu akujanji yang diberikan, oleh pemohon berkenaan dengan perniagaan bank luar pesisirnya di Wilayah Persekutuan Labuan mengikut apa-apa cara atau bentuk sebagaimana disetujuterima oleh Bank dan, jaminan dan akujanji tersebut hendaklah memperuntukkan, *inter alia*, bahawa—
- (i) pemohon hendaklah patuh dengan obligasi-obligasi dan kehendak-kehendak kewangan yang dikenakan di bawah Akta ini dan hendaklah menjelaskan liabiliti-liabiliti pemohon berkenaan dengan perniagaan bank luar pesisirnya dalam, daripada dan melalui Wilayah Persekutuan Labuan;
  - (ii) jika pemohon adalah suatu syarikat luar pesisir, tiada peserta pemohon yang memegang sepuluh peratus atau lebih modal berbayar pemohon boleh ditukar tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Bank; dan
  - (iii) tiap-tiap pengarah atau ketua pegawai eksekutif pemohon yang bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan bank luar pesisirnya dalam Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah orang yang layak dan sesuai dan perlantikan pengarah atau ketua pegawai eksekutif itu hendaklah dibuat hanya selepas berunding dengan Bank; dan

(ff) suatu pernyataan mengenai nama, alamat, kelayakan, pengalaman bekerja dan kedudukan yang dicadangkan bagi kesemua pengarah dan pegawai yang akan bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan bank luar pesisir pemohon dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

(3) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (!) oleh—

(a) mana-mana orang bagi pihak suatu syarikat luar pesisir yang dicadangkan diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990; atau

(b) suatu syarikat asing yang meminta pendaftaran sebagai syarikat asing luar pesisir di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990,

bagi maksud tunggal dan eksklusif menjalankan perniagaan bank luar pesisir, hendaklah, melainkan jika dinyatakan selainnya oleh Bank. disertai dengan yang berikut:

(aa) (i) dalam hal pemohon di bawah perenggan (a), dokumen konstituen yang di bawahnya ia hendak ditubuhkan, disahkan dengan sempurnanya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang disetujuterima oleh Bank oleh mana-mana pengarah atau pegawainya yang dicadangkan; atau

(ii) dalam hal pemohon di bawah perenggan (b), dokumen konstituen yang di bawahnya ia ditubuhkan, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang disetujuterima oleh Bank oleh mana-mana pengarah atau pegawainya;

(bb) (i) dalam hal pemohon di bawah perenggan (a), satu salinan kunci kira-kira beraudit bagi perniagaan peserta-pesertanya yang dicadangkan yang setiap seorangnya akan memegang sepuluh peratus atau lebih daripada modal berbayarnya; atau

- (ii) dalam hal pemohon di bawah perenggan (b), satu salinan kunci kira-kira beraudit bagi perniagaannya,

bagi setiap satu daripada tiga tahun kewangan sebeJum sahaja tarikh permohonan itu;

(cc) satu pernyataan mengenai yang berikut:

- (i) nama, tempat dan tarikh, establismen yang dicadangkan bagi syarikat luar pesisir yang dicadangkan, atau establishmen syarikat asing, mengikut mana-mana yang berkenaan;
  - (ii) perniagaan utama yang dicadangkan dan tempat utama perniagaan yang dicadangkan bagi syarikat luar pesisir yang dicadangkan atau perniagaan utama dan tempat utama perniagaan syarikat asing, mengikut mana-mana yang berkenaan;
  - (iii) nama dan alamat, pengarah-pengarah yang dicadangkan bagi syarikat luar pesisir yang dicadangkan atau, pengarah-pengarah syarikat asing, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
  - (iv) nama dan alamat, peserta-peserta yang dicadangkan bagi syarikat luar pesisir yang dicadangkan atau, peserta-peserta syarikat asing, yang setiap seorangnya akan memegang sepuluh peratus atau lebih daripada modal berbayar syarikat luar pesisir yang dicadangkan atau syarikat asing, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (dd) (i) dalam hal syarikat luar pesisir yang dicadangkan, suatu jaminan yang didapati, dan suatu akujanji yang diberikan, oleh peserta-pesertanya yang dicadangkan bahawa mereka akan menyebabkan syarikat yang dicadangkan itu, setelah diperbadankan, mendapatkan suatu jaminan dan memberikan suatu akujanji sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (2) (ee); atau

(ii) dalam hal syarikat asing, suatu jaminan yang didapatkan, dan suatu akujanji yang diberikan, oleh pemohon, sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (2) (ee) dan

(ee) suatu pernyataan mengenai nama, alamat, kelayakan, pengalaman bekerja dan kedudukan yang dicadangkan bagi, semua pengarah dan pegawai yang dicadangkan bagi syarikat luar pesisir yang dicadangkan, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, semua pengarah dan pegawai syarikat asing yang akan bertanggung-jawab bagi pengurusan perniagaan bank luar pesisirnya di dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

(4) Bank boleh, pada bila-bila masa selepas menerima suatu permohonan di bawah seksyen ini dan sebelum ianya diputuskan oleh Menteri, secara lisan atau bertulis menghendaki pemohon untuk memberikan secara lisan atau bertulis maklumat tambahan atau memberikan apa-apa dokumen tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Bank bagi maksud-maksud menentukan kesesuaian pemohon untuk mendapatkan lesen itu.

Pemberian atau keengganan memberi lesen oleh Menteri.

6. (1) Bank hendaklah, apabila suatu permohonan telah dibuat dengan sepenuhnya mengikut seksyen 5 dan selepas diberi segala maklumat dan dokumen sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen tersebut, mempertimbangkan permohonan itu dan membuat suatu syor kepada Menteri sama ada lesen patut diberi atau tidak.

(2) Apabila menerima suatu permohonan dan syor Bank di bawah subseksyen (1), Menteri boleh memberi atau enggan memberi lesen.

(3) Suatu lesen yang diberi kepada mana-mana pemohon di bawah subseksyen (2) hendaklah diberikan suatu nombor lesen yang mana hendaklah berbeza dan berlainan daripada nombor-nombor lesen yang diberikan kepada bank luar pesisir yang lain.

(4) Bank hendaklah tanpa kelengahan memberitahu pemohon secara bertulis mengenai pemberian atau keengganan memberi lesen itu dan, jika Menteri memberikan lesen, nombor lesen tersebut.

(5) Sesuatu lesen yang diberikan di bawah seksyen ini berkenaan dengan—

- (a) pemohon yang disebutkan dalam perenggan (a) seksyen 5 (2) hendaklah dengan syarat dokumen konstituennya dipinda sebagaimana di perihalkan dalam perenggan (bb) seksyen tersebut; dan
- (b) pemohon yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) seksyen 5 (3), hendaklah dengan syarat pemerbadanan atau pendaftarannya, mengikut mana yang berkenaan, di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990,

dan lesen itu hendaklah berkuatkuasa setelah pindaan, pemerbadanan atau pendaftaran sedemikian, mengikut mana yang berkenaan.

(6) Suatu lesen yang diberi di bawah seksyen ini tidaklah boleh dipindahmilik kepada mana-mana orang lain.

(7) Suatu lesen yang diberi di bawah seksyen ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ianya diserahkan balik atau dibatalkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini.

7. (1) Suatu bank luar pesisir berlesen hendaklah pada setiap masa melekatkan atau mengecatkan, dan memastikan dilekatkan atau dicatkan, di luar setiap pejabatnya pada tempat yang terang dan supaya mudah dibaca, namanya, nombor lesen dan perkataan-perkataan "bank luar pesisir berlesen".

Kehendak bagi penggunaan, dan sekatan atas penggunaan, perkataan-perkataan "bank luar pesisir", dll.

(2) Suatu bank luar pesisir berlesen hendaklah di dalam apa-apa kepala bil, borang bercetak, kertas surat, notis, iklan, atau apa-apa dokumen lain yang dikeluarkan daripada pejabatnya dan dalam perjalanan perniagaannya, dengan jelas mencetak namanya, nombor lesen dan perkataan-perkataan "bank luar pesisir berlesen".

(3) Tiada seorang pun, yang bukannya suatu bank luar pesisir berlesen, boleh tanpa keizinan bertulis daripada Bank memakai atau menggunakan perkataan-perkataan "bank luar pesisir" atau apa-apa terbitan daripada

perkataan-perkataan itu dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan perjalanan perniagaan bank luar pesisir oleh orang tersebut.

Pembatalan  
lesen.

8. (1) Menteri boleh, atas syor Bank, membatalkan lesen mana-mana bank luar pesisir jika—

- (a) bank luar pesisir berlesen itu telah melanggar mana-mana peruntukan lesennya atau dokumen konstituennya atau mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang bertulis walaupun tidak ada pendakwaan bagi suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran tersebut;
- (b) Bank telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk mendapatkan lesen atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, diberi maklumat palsu dan mengelirukan oleh atau bagi pihak bank luar pesisir berlesen, atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang atau yang akan menjadi pengarah atau pengurus bank luar pesisir berlesen itu; atau
- (c) apa-apa jaminan atau akujanji yang disebut dalam seksyen 5 telah tidak ditepati.

(2) Pembatalan lesen di bawah seksyen ini hendaklah berkuatkuasa pada tarikh keputusan Menteri disampaikan kepada bank luar pesisir berlesen itu.

Penyerahan  
balik lesen.

9. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, bank luar pesisir berlesen boleh menyerahkan balik lesennya.

(2) Mana-mana bank luar pesisir berlesen yang berniat untuk menyerahkan balik lesennya hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Bank.

(3) Bank hendaklah memberi kelulusannya jika ia berpuas hati bahawa bank luar pesisir berlesen itu telah membuat peruntukan yang cukup mengenai semua liabilitinya, dan sesudah itu hendaklah menetapkan suatu tarikh bila penyerahan balik itu hendak berkuatkuasa.

(4) Jika kelulusan Bank telah didapati di bawah subseksyen (3), bank luar pesisir berlesen itu hendaklah, tidak

lewat daripada dua puluh satu hari sebelum tarikh yang ditetapkan itu di bawah subseksyen (3), menyiarkan suatu iklan tentang cadangannya menyerahkan lesennya itu dalam sekurang-kurangnya sebuah akhbar Malaysia yang diedarkan luas dan sebuah akhbar kewangan antarabangsa.

(5) Bank hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, menyiarkan di dalam *Warta* suatu notis tentang tiap-tiap penyerahan balik lesen di bawah seksyen ini tetapi apa-apa kelewatan dalam menyiarkan notis itu atau kegagalan untuk menyiarkan notis itu tidaklah boleh dengan apa-apa jua cara menyentuh keesahan penyerahan balik itu.

**10.** Jika pembatalan sesuatu lesen di bawah seksyen 8 atau penyerahan baliknya di bawah seksyen 9 telah berkuatkuasa, bank luar pesisir yang kepadanya lesen telah diberikan hendaklah sesudah itu berhenti menjalankan apa-apa perniagaan bank luar pesisir:

Bank luar pesisir berlesen hendaklah menghentikan perniagaan bank luar pesisir apabila lesen dibatalkan atau diserahkan balik.

Dengan syarat bahawa Menteri boleh, atas syor Bank, secara bertulis membenarkan bank luar pesisir itu menjalankan apa-apa aktiviti bagi apa-apa jangkamasa sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam kebenaran itu bagi maksud pengumpulan hal-ehwalnya.

**11.** Tiada pemohon boleh diberikan lesen di bawah seksyen 6 (2) dan tiada bank luar pesisir berlesen boleh menjalankan perniagaan bank luar pesisir tanpa keizinan bertulis daripada Menteri jika wang modalnya yang tidak terjejas oleh kerugian adalah kurang daripada sepuluh juta ringgit atau persamaannya di dalam mana-mana matawang lain.

Amaun minimum wang modal.

**12.** (1) Tiap-tiap bank luar pesisir Malaysia berlesen hendaklah sebelum apa-apa pindaan atau pengubahan dibuat kepada mana-mana dokumen konstituennya, memberi kepada Bank butir-butir bertulis mengenai pindaan atau pengubahan yang dicadangkan iaitu bagi kelulusan Bank.

Pindaan atau pengubahan kepada dokumen konstituen bank luar pesisir berlesen.

(2) Tiap-tiap bank luar pesisir berlesen hendaklah, dalam masa tiga bulan selepas apa-apa pindaan atau

ubahsuaian dibuat kepada dokumen konstituennya, memberi kepada Bank butir-butir bertulis akan pindaan atau perubahan yang disahkan dengan sempurnanya mengikut cara sebagaimana disetujuterima oleh Bank oleh seorang pengarah bank luar pesisir berlesen itu.

(3) Tiada mana-mana bank luar pesisir berlesen boleh membuat apa-apa pindaan atau ubahsuaian kepada dokumen konstituennya yang mana adalah bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis.

Bank hendaklah menyiarkan senarai bank luar pesisir berlesen.

13. Bank hendaklah pada tiap-tiap tahun tidak lewat daripada 31 haribulan Januari setiap tahun menyiarkan suatu senarai kesemua bank luar pesisir berlesen yang ada pada 31 haribulan Disember tahun sebelumnya dan nombor-nombor lesen mereka dalam *Warta*, dan jika apa-apa lesen dikeluarkan, dibatalkan atau diserahkan selepas penyiaran sedemikian, Bank hendaklah menyebabkan disiarkan dalam *Warta*, secepat mungkin yang praktik, suatu senarai tersemak kesemua bank luar pesisir berlesen yang ada dan nombor-nombor lesen mereka.

### BAHAGIAN III

#### KEWAJIPAN-KEWAJIPAN BANK LUAR PESISIR BERLESEN

Pejabat-pejabat dan subsidiari-subsidiari.

14. (1) Sesuatu bank luar pesisir berlesen tidaklah boleh menjalankan perniagaan bank luar pesisir dalam, daripada atau melalui mana-mana tempat dalam Malaysia selain daripada Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Sesuatu bank luar pesisir berlesen yang mana adalah suatu syarikat luar pesisir tidaklah boleh membuka apa-apa pejabat atau memperolehi atau menubuhkan apa-apa subsidiari dalam Malaysia selain daripada Wilayah Persekutuan Labuan.

(3) Sesuatu bank luar pesisir berlesen yang adalah suatu syarikat luar pesisir berlesen tidaklah boleh membuka apa-apa pejabat atau memperolehi atau menubuhkan apa-apa subsidiari dalam Wilayah Persekutuan Labuan atau di luar Malaysia tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Bank.

(4) Suatu bank luar pesisir berlesen yang adalah suatu syarikat luar pesisir asing tidaklah boleh membuka apa-apa pejabat selain daripada tempat utama perniagaannya dalam Wilayah Persekutuan Labuan tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Bank.

**15.** (1) Tiada bank luar pesisir berlesen boleh menerima apa-apa wang atas deposit atau pinjaman yang kena dibayar balik atas tuntutan melalui cek, draf, arahan atau mana-mana instrument lain yang dikeluarkan oleh pendeposit ke atas bank luar pesisir berlesen itu.

Larangan ke atas akaun tertentu.

(2) Tiada bank luar pesisir berlesen boleh membuka suatu akaun bagi seseorang pelanggan yang identitinya tidak diketahui oleh bank luar pesisir itu.

**16.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, suatu bank luar pesisir berlesen hendaklah melantik seorang juruaudit diluluskan setiap tahun sebelum suatu tarikh sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank.

Perlantikan dan tugas-juruaudit.

(2) Seorang juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah menjalankan audit ke atas akaun-akaun bank luar pesisir berlesen itu berkenaan dengan operasi perniagaannya dalam, daripada dan melalui Wilayah Persekutuan Labuan dan hendaklah mengemukakan suatu laporan mengenai audit itu berserta dengan komennya atas sistem perakaunan dan pengawalan bank luar pesisir berlesen itu kepada peserta-peserta bank luar pesisir berlesen itu dan kepada Bank.

(3) Tertakluk kepada seksyen 21, Bank boleh, pada bila-bila masa, menghendaki seorang juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini mengemukakan kepada Bank apa-apa penjelasan berhubung dengan auditnya sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(4) Bagi maksud-maksud seksyen ini —

(a) Bank hendaklah menyenggarakan suatu senarai juruaudit diluluskan; dan

(b) "juruaudit diluluskan" bererti seorang juruaudit yang adalah seorang juruaudit syarikat diluluskan .

di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan terdapat dalam senarai juruaudit yang disenggarakan oleh Bank di bawah perenggan (a).

Penyata-  
penyata  
keuangan  
hendaklah  
dikemukakan  
kepada  
Bank.

17. (1) Dalam masa tiga bulan selepas penutupan setiap tahun kewangan sesuatu bank luar pesisir berlesen atau apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang diluluskan oleh Bank, bank luar pesisir berlesen hendaklah mengemukakan kepada Bank, berkenaan dengan keseluruhan operasinya dalam, dari dan melalui Wilayah Persekutuan Labuan, dua salinan bagi setiap satu penyata tahunannya yang beraudit terakhir sekali, akaun untung rugi, penyata yang menyatakan sumber-sumber, peng-  
untungan dan penggunaan wangnya dan laporan juruaudit di bawah seksyen 16 (2).

(2) Suatu bank luar pesisir berlesen hendaklah mengemukakan kepada Bank empat salinan bagi setiap satu dokumen yang dinyatakan di dalam subseksyen (1) sebagaimana yang diluluskan mengikut dokumen konstituennya oleh peserta-pesertanya dalam masa empat belas hari daripada kelulusan tersebut.

Statistik dan  
maklumat  
hendaklah  
dikemukakan  
kepada  
Bank.

18. (1) Tiap-tiap bank luar pesisir berlesen hendaklah, atas permintaan, mengemukakan kepada Bank suatu pernyataan yang menunjukkan aset dan liabiliti bank luar pesisir berlesen berhubung dengan perniagaan bank luar pesisirnya dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Apa-apa maklumat yang diterima daripada suatu bank luar pesisir berlesen di bawah seksyen ini hendaklah menjadi rahsia di antara bank luar pesisir berlesen itu dan Bank.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2) Bank boleh menyiarkan apa-apa pernyataan disatukan, berkenaan dengan apa-apa kategori, kelas atau keperihalan bank luar pesisir berlesen sebagaimana difikirkan sesuai oleh Bank, yang mengagregatkan angka-angka dalam pernyataan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1):

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa pun dalam subseksyen ini boleh membenarkan Bank untuk menetapkan mana-mana bank luar pesisir berlesen tertentu menjadi

suatu kategori, kelas atau keperihal bank luar pesisir berlesen bagi maksud-maksud subseksyen ini,

(4) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa tiada peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kerahsiaan boleh terpakai bagi apa-apa pernyataan disatukan yang disebut dalam subseksyen (3).

19. Suatu bank luar pesisir berlesen hendaklah membayar apa-apa fee lesen tahunan bagi suatu amaun atau yang dikira pada apa-apa kadar atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 27. Fee lesen.

20. (1) Tiada bank luar pesisir berlesen boleh menjalankan apa-apa perniagaan, atau berurusniaga, dalam matawang Malaysia. Urusniaga dalam matawang Malaysia adalah dilarang

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), suatu bank luar pesisir berlesen boleh, tertakluk kepada seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran 1953 dan apa-apa peruntukan lain di dalamnya dan apa-apa arahan yang dibuat di bawahnya, melakukan yang berikut: Aktal7

- (a) membeli atau menjual mata wang asing berdasarkan mata wang Malaysia; dan
- (b) melibatkan diri dalam suatu transaksi tukar ganti yang membabitkan mata wang Malaysia.

(3) Mana-mana bank luar pesisir berlesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi amaun mata wang Malaysia yang menjadi hal perkara kesalahan itu dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, hendaklah, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun mata wang Malaysia yang menjadi hal perkara kesalahan itu bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan.

(4) Mana-mana pengarah atau pegawai suatu bank luar pesisir berlesen yang bersubahat, membiarkan, mengizinkan, atau berkomplot dengan, bank itu atau mana-mana orang untuk melakukan atau menyebabkan dilakukan

suatu perbuatan yang melanggar dengan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau denda tidak melebihi lima juta ringgit atau keduanya.

#### BAHAGIAN IV

#### KERAHSIAAN

Sekatan  
penyiasatan  
secara  
khusus  
mengenai  
hal-ehwal  
pelanggan  
tertentu.

**21.** Tiada apa-apa pun dalam Akta ini boleh membenarkan Menteri untuk mengarahkan Bank, atau membenarkan Bank, supaya menyiasat secara khusus identiti, akaun dan hal-ehwal mana-mana pelanggan tertentu mana-mana bank luar pesisir berlesen.

Kerahsiaan.

**22.** (1) Tiada pengarah atau pegawai mana-mana bank luar pesisir berlesen, sama ada sepanjang tempoh jawatannya, atau sepanjang tempoh pekerjaannya, atau selepas itu, dan tiada seorang pun termasuk Bank, pengarah-pengarah atau pegawai-pegawainya yang kerana apa-apa sebab, mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen lain atau apa-apa jua pun bahan, yang berhubungan dengan hal-ehwal atau akaun mana-mana pelanggan tertentu bank luar pesisir berlesen itu, boleh mendedahkan, kepada mana-mana orang, atau membuat suatu rekod bagi mana-mana orang, apa-apa maklumat atau apa-apa jua pun dokumen yang berhubungan dengan hal-ehwal atau akaun pelanggan bank luar pesisir itu.

(2) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen yang pada pengetahuannya telah didedahkan melalui pelanggaran subseksyen (1) boleh, dalam apa-apa cara jua pun mendedahkannya kepada mana-mana orang lain.

(3) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi pendedahan apa-apa maklumat atau dokumen yang pelanggan, atau wakil dirinya, telah memberi kebenaran bertulis kepada bank luar pesisir berlesen untuk didedahkan.

(4) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidaklah terpakai jika pendedahan adalah dikehendaki di bawah

suatu perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat atas permohonan—

- (a) suatu pihak yang berkepentingan, di mana pelanggan sudah mati ataupun telah diisytiharkan bankrap, atau jika pelanggan itu suatu perbadanan, perbadanan itu sedang atau telah digulung, di Malaysia atau di mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia;
- (b) mana-mana pegawai awam dalam perjalanan penyiasatan ke atas apa-apa kesalahan; atau
- (c) Bank—
  - (i) disokong oleh suatu perakuan di bawah tandatangan Menteri yang memperakukan bahawa dia berpuas hati bahawa pendedahan itu adalah untuk kepentingan kewangan atau kesentosaan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagiannya; atau
  - (ii) disokong oleh suatu perakuan di bawah tandatangan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri yang memperakukan bahawa pendedahan itu adalah untuk kepentingan keselamatan dalam negeri Malaysia atau mana-mana bahagiannya.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6), tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghadkan mana-mana kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi atau hakim Mahkamah Tinggi oleh Akta Buku Banker (Keterangan) 1949 atau melarang pematuhan akan perintah yang dibuat di bawah Akta itu. *Akta33.*

(6) Seksyen 7 Akta Buku Banker (Keterangan) 1949 tidaklah terpakai kepada bank luar pesisir berlesen, pengarah-pengarah atau pegawai-pegawainya.

23. Bank boleh dari semasa ke semasa memeriksa, di bawah syarat-syarat kerahsiaan, buku-buku atau dokumen lain, akaun dan transaksi-transaksi mana-mana bank luar pesisir berlesen dan mana-mana pejabat bank luar pesisir Malaysia berlesen di luar Malaysia bagi maksud-maksud Penentuan pengemukaan bank luar pantai berlesen.

menentukan pengemukaan bank luar pesisir itu di bawah seksyen 17 dan 18:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa pun dalam seksyen ini boleh membenarkan Bank menyasat secara khusus identiti, akaun atau hal-ehwal mana-mana pelanggan tertentu bank luar pesisir berlesen itu.

## BAHAGIAN V

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

Penalti am. 24. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4, 7(3), 10, 15, 22(1) atau 22(2) apabila disabitkan boleh dipenjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, hendaklah, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu dilakukan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata di dalam Akta ini boleh, apabila disabitkan, dipenjara bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, hendaklah, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu dilakukan.

Kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan.

25. (1) Gabenor boleh, dengan persetujuan Menteri, dalam hal di mana difikirkannya layak dan patut untuk berbuat demikian, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang boleh dihukum di bawah Akta ini, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Gabenor, dalam masa yang boleh ditentukan dalam tawaran itu, apa-apa jumlah wang, sebagaimana yang boleh ditentukan, yang tidaklah boleh melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang boleh dikenakan kepada orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh masa yang ditentukan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana dibenarkan oleh Gabenor, pendakwaan untuk kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran tersebut telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh, selepas itu, dibuat berkenaan dengan kesalahan tersebut terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

(4) Apa-apa wang yang dibayar kepada Gabenor menurut subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

26. (1) Kerajaan, Bank, pegawai-pegawai Kerajaan dan pegawai-pegawai Bank, tidaklah boleh dikenakan apa-apa tindakan, tuntutan atau permintaan oleh, atau pun mempunyai apa-apa liabiliti kepada, mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa yang dilakukan atau tidak dilakukan dengan suci hati menurut atau pada melaksanakan atau berkaitan dengan perlaksanaan atau perlaksanaan yang dimaksudkan akan apa-apa kuasa yang diberi di bawah Akta ini. Tanggung  
rugi.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "pegawai-pegawai Kerajaan" termasuklah Menteri dan mana-mana pegawai awam; dan "pegawai-pegawai Bank" termasuklah Gabenor. Timbalan Gabenor, pengarah dan mana-mana pekerja Bank.

27. Menteri boleh, atas syor Bank, membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suaimanfaat untuk memberi kesan penuh kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Peraturan-  
peraturan.

untuk menjalankan atau mencapai tujuan-tujuan dan maksud-maksud Akta ini atau mana-mana peruntukan Akta ini, atau untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih lanjut, lebih baik atau lebih mudah, termasuk peraturan-peraturan bagi mengawal pemberian kemudahan kredit oleh bank luar pesisir Malaysia berlesen kepada satu orang atau pengarah-pengarahnya, pegawai-pegawai atau orang lain yang bersekutu dengan pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai tersebut.

Pemakaian Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan Akta Syarikat 1965. *Akta 125.*

28. (1) Sebagai tambahan kepada Akta ini, Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 hendaklah terpakai kepada suatu bank luar pesisir yang adalah suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, dan Akta Syarikat 1965 hendaklah terpakai kepada suatu bank luar pesisir yang adalah suatu pejabat bagi suatu bank Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta itu.

(2) Jika terdapat percanggahan atau ketakkonsistenan di antara peruntukan-peruntukan Akta ini dan Akta-Akta lain yang disebut dalam subseksyen (1) dalam pemakaiannya masing-masing bagi bank luar pesisir, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

(3) Jika apa-apa kesulitan atau keraguan berbangkit dalam pemakaian subseksyen (1) berhubungan dengan mana-mana bank luar pesisir berlesen tertentu, atau apa-apa perkara atau hal keadaan tertentu, atau pada amnya, Menteri boleh, apabila kesulitan atau keraguan itu dirujuk kepada Bank, menyelesaikannya melalui suatu arahan bertulis.

Pemakaian - Akta Kawalan Pertukaran 1953 *Akta 17.*

29. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) tiada apa-apa pun dalam Akta ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan Akta Kawalan Pertukaran 1953, dan dalam pemakaian mana-mana peruntukan Akta ini, bagi mana-mana orang atau bank luar pesisir berlesen, maka peruntukan itu hendaklah dipakai tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

(2) Jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan di antara mana-mana peruntukan Akta ini dan

Akta Kawalan Pertukaran 1953 peruntukan-peruntukan Akta itu hendaklah terpakai.

30. Peruntukan-peruntukan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 tidaklah terpakai kepada bank luar pesisir berlesen, termasuk bank luar pesisir berlesen yang ada pejabat bank Malaysia dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

Akta Bank  
daii Institusi-  
institusi  
Kewangan  
1989 dan Akta  
Bank Islam  
1983 tidaklah  
terpakai.  
*Akta 372.*  
*Akta 276.*

31. Menteri boleh, atas syor Bank dan melalui suatu notis bertulis, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana dia boleh kenakan, mengecualikan mana-mana orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

Kuasa  
Menteri  
untuk  
menge-  
cualikan.

32. (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah undang-undang, suatu bank luar pesisir berlesen boleh, tanpa pengemukaan surat kuasa probet atau surat kuasa mentadbir, membayar apa-apa wang tidak melebihi yang bersamaan dengan lima ribu ringgit yang terdapat dalam kredit simati kepada mana-mana orang yang mengemukakan bukti yang memuaskan mengenai:

Bayaran  
daripada  
akaun  
simati.

(a) kematian simati tersebut; dan

(b) haknya di bawah undang-undang terhadap wang yang terdapat dalam kredit simati itu.

(2) Suatu bank luar pesisir berlesen tidaklah boleh membuat apa-apa pembayaran di bawah subseksyen (1), jika ia telah menerima tuntutan-tuntutan lain terhadap apa-apa wang yang terdapat dalam kredit simati.

(3) Suatu bank luar pesisir berlesen atau pengarah-pengarah atau pegawai-pegawainya tidaklah bertanggung mengenai dengan apa-apa tuntutan oleh mana-mana orang berkaitan dengan apa-apa pembayaran yang dibuat mengikut seksyen ini tetapi orang tersebut boleh mendapatkan balik apa-apa wang yang secara sah kena dibayar kepadanya daripada orang yang kepadanya pembayaran itu telah dibuat.

JADUAL  
(Seksyen2 (1))

MAKNA PENGARAH

<i>Ruang Pertama (orang)</i>	<i>Ruang Kedua (pengarah)</i>	<i>Ruang Ketiga (penubuhan)</i>	<i>Ruang Keempat (peserta)</i>
Perbadanan	Seseorang yang berkedudukan sebagai pengarah perbadanan, dengan apa jua nama dipanggil, dan termasuklah seseorang yang menurut arahan atau petunjuknya pengarah-pengarah perbadanan biasa bertindak, dan pengarah giliran atau ganti	pemerbadanan	pemegang syer
Persatuan koperasi	Ahli lembaga atau badan pengelola lain persatuan koperasi tersebut, walau apa jua nama diberi	didaftarkan, diperbadankan atau sebaliknya ujud dengan sah sebagai persatuan koperasi	ahli
Badan berkanun	Ahli lembaga, jawatankuasa, majlis atau badan pengelola lain badan berkanun itu walau apa jua nama diberi	kewujudannya di bawah undang-undang yang menubuh, melantik atau mengandunginya	pemegang syer atau, jika badan berkanun itu tiada syer modal, seseorang yang keseluruhannya, berasingan atau atau bersama dengan orang lain memiliki badan berkanun itu
Pekongsian	rakan kongsi	pembentukannya	rakan kongsi
Perniagaan tunggal	pemilik tunggal	jika pendaftaran atau bentuk perakaman atau pengiktirafan lain dikehendaki sebelum aktiviti atau perniagaan boleh dengan sah di-	pemilik tunggal

<i>Ruang Pertama</i> (orang)	<i>Ruang Kedua</i> (mengarah)	<i>Ruang Ketiga</i> (penubuhan)	<i>Ruang Keempat</i> (peserta)
		mulakan. adalah pendaftaran perakaman atau pengiktirafan undang-undang di bawah undang-undang yang terpakai	
Lain-tain badan, pertubuhan, kumpulan orang sama ada perbadanan atau tidak	mana-mana orang yang mempunyai kuasa mengarah atau mengawal pengurusan hal ehwal atau perniagaannya	jika pendaftaran atau benruk perakaman atau pengiktirafan dikehendaki sebelum aktiviti atau perniagaan boleh secara sah dimulakan, adalah pendaftaran, perakaman atau pengiktirafan undang-undang di bawah undang-undang yang terpakai	ahli. walau apajuanama diberi, badan, pertubuhan atau kumpulan

---

#### HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengwujudkan suatu regim perundangan bagi perniagaan bank luar pesisir yang boleh dijalankan di Jam, daripada dan melalui Wilayah Persekutuan Labuan oleh bank-bank luar pesisir. Rang Undang-Undang ini bertujuan memperuntukkan, *inter alia*, bagi—

- (a) pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan bank luar pesisir dan orang-orang yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir;
- (b) perlindungan mengenai kerahsiaan maklumat berhubung dengan identiti, hal ehwal dan akaun pelanggan-pelanggan bank luar pesisir yang dilesenkan di bawah Rang Undang-Undang ini; dan
- (c) lain-lain perkara yang perlu dan bersangkutan seperti perlantikan juruaudit, pengemukaan statistik dan penyata kewangan yang diaggregat, hukuman-hukuman bagi pelanggaran Rang Undang-Undang ini, kawalan mengenai urusan-urusan dalam matawang Malaysia, kuasa Bank Negara Malaysia ("Bank") untuk membuat peraturan-peraturan, kuasa sesuatu bank luar pesisir untuk membenarkan pengeiuaran daripada akaun simati. pemakaian

perundangan-perundangan yang berkaitan seperti cadangan Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Syarikat 1965, Akta Kawalan Pertukaran 1953 dan ketidakpakaian Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 kepada bank-bank luar pesisir.

2. *Fasal 1* memperuntukkan tarikh mula berkuatkuasa Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2 (1)* mentakrifkan beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini. Sebahagian daripada takrif ini diterangkan di bawah.

Perkataan "Bank" ditakrifkan sebagai bererti Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan oleh Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

Perkataan-perkataan "pengarah", "ditubuhkan" dan "peserta" ditakrifkan, berhubung dengan entiti undang-undang yang berlainan yang diterangkan dalam ruang pertama Jadual kepada Rang Undang-Undang ini, dalam ruang kedua, ketiga dan empat masing-masing, Jadual tersebut.

"Perniagaan bank luar pesisir" ditafsirkan sebagai pengambilan deposit dan pemberian kemudahan kredit dalam matawang selain daripada ringgit. Sesiapa yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir adalah "bank luar pesisir". Suatu bank luar pesisir yang diberikan lesen di bawah undang-undang ini adalah "bank luar pesisir berlesen". Jika bank luar pesisir berlesen adalah suatu cawangan atau subsidiari sesuatu bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983, ia adalah ditakrifkan sebagai "bank luar pesisir Malaysia berlesen".

Perkataan "ditentukan" adalah ditakrifkan sebagai bererti ditentukan dengan bertulis dari masa ke semasa dan termasuklah suatu kuasa untuk menentukan yang berlainan bagi orang-orang yang berlainan.

*Fasal 2 (2)* menjelaskan jika mana-mana orang dikehendaki mengemukakan memberi atau menyediakan apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen kepada Bank, Bank adalah diberikuasa untuk menentukan pelbagai perkara dan detail seperti lat tempoh, cara bentuk dan cara mana dalam dan melalui mana pengemukaan, pemberian, penyediaan sedemikian hendak dibuat dan orang itu adalah didorong daripada mengemukakan, memberikan atau menyediakan sebagai benar apa-apa maklumat statistik, penyata atau dokumen yang dia tahu palsu.

4. *Fasal 3* menjelaskan bahawa fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang diberikan kepada Bank tidaklah mengurangkan atau menjejaskan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang diberikan kepada Bank oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

5. *Fasal 4* melarang mana-mana orang daripada menjalankan perniagaan bank luar pesisir melainkan orang itu adalah suatu syarikat luar pesisir atau suatu syarikat luar pesisir asing yang ditubuhkan atau didaharkan, mengikut mana yang berkenaan, di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 yang dicadangkan itu, atau suatu bank Malaysia, dan memegang surat lesen yang diberikan di bawah *Fasal 6 (2)* untuk menjalankan perniagaan bank luar pesisir.

6. *Fasal 5* menyatakan prosidur bagi permohonan untuk suatu lesen bank luar pesisir dan dokumen-dokumen termasuklah penyataan-penyataan kewangan yang hendak dikemukakan bersama-sama permohonan itu. Pemohon adalah juga dikehendaki mendapatkan suatu jaminan dan hendaklah memberi suatu akujanji untuk memenuhi obligasi-obligasi kewangan yang dikenakan di bawah Rang Undang-Undang ini dan menjelaskan tanggungan-tanggungannya berkenaan dengan perniagaannya dalam Wilayah Persekutuan Labuan dan tidak akan menukar peserta-pesertanya yang memegang sepuluh peratus dari modal berbayarnya, atau lebih tanpa kelulusan bank. *Fasal 5 (4)* membolehkan Bank mendapatkan maklumat atau dokumen-dokumen tambahan sebagaimana ia kehendaki bagi tujuan menentukan kesesuaian pemohon untuk lesen itu.

7. *Fasal 6 (2)* memberi kuasa kepada Menteri, selepas menimbangkan permohonan itu dan syor Bank mengenainya di bawah *Fasal 6 (1)* untuk sama ada memberi atau enggan memberi lesen itu. Bank adalah dikehendaki dengan segera memberitahu pemohon secara bertulis sama ada permohonannya dibenarkan ataupun ditolak. Apa-apa lesen yang diberikan kepada pemohon di bawah *fasal 6 (2)* adalah ditegah daripada dipindahmilik kepada orang lain. Setiap lesen yang diberi kepada mana-mana pemohon di bawah *Fasal 6 (2)* hendaklah diberikan nombor lesen yang tertentu dan, di bawah *fasal 6 (4)*, Bank adalah dikehendaki dengan segera memberitahu setiap pemohon, yang mana permohonan untuk lesennya diluluskan, nombor lesennya. *Fasal 6 (5)* menyatakan lesen yang diberi kepada pemohon yang belum memperbadankan syarikatnya atau mendaftarkan syarikatnya di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dicadangkan itu, akan hanya berkuatkuasa pada tarikh syarikat itu diperbadankan atau didaftarkan.

8. *Fasal 7 (1)* dan *(2)* menghendaki bank luar pesisir berlesen melekatkan atau mengecat dengan jelas di pejabat-pejabatnya dan juga mencetak dengan terang di atas kertasnya dan iklannya namanya, perkataan-perkataan "bank luar pesisir berlesen" dan nombor lesennya. *Fasal 7 (3)* melarang penggunaan ungkapan "bank luar pesisir" atau terbitan-terbitannya dalam apa-apa bahasa oleh seseorang yang bukan bank luar pesisir berlesen.

9. *Fasal 8* menyatakan alasan-alasan bagi pembatalan lesen. Ini termasuklah, antara lain, pelanggaran mana-mana undang-undang bertulis, pemberian apa-apa maklumat palsu atau mengelirukan berhubungan dengan suatu permohonan untuk suatu lesen dan kegagalan untuk memenuhi apa-apa jaminan atau akujanji yang diberi berhubungan dengan permohonan untuk lesen tersebut.

10. *Fasal 9* memperuntukkan bahawa suatu bank luar pesisir berlesen boleh menyerahkan balik lesennya apabila mendapat kebenaran daripada Bank. Sesuatu notis mengenai apa-apa penyerahan balik lesen itu hendaklah disiarkan di dalam *Warta* oleh Bank secepat mungkin yang praktis.

11. *Fasal 10* memperuntukkan bahawa mana-mana bank luar pesisir yang telah dibatalkan lesennya hendaklah berhenti menjalankan perniagaan bank luar pesisir. Walaubagaimana pun Menteri boleh, atas syor Bank, membenarkan bank luar pesisir itu menjalankan aktiviti-aktiviti bagi maksud penggulungan hal ehwalnya bagi suatu tempoh yang dia boleh tentukan di dalam kebenaran tersebut.

12. *Fasal 11* melarang pemberian suatu lesen kepada suatu bank luar pesisir jika modal berbayar dan rizabnya kurang daripada sepuluh juta ringgit. Suatu bank luar pesisir berlesen, melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Menteri, adalah dilarang daripada menjalankan perniagaan bank luar pesisir jika modal berbayar dan rizabnya, tanpa dijejas oleh kerugian, adalah kurang daripada sepuluh juta ringgit.

13. *Fasal 12 (1)* menghadkan bank luar pesisir Malaysia berlesen daripada mengubah atau meminda dokumen-dokumen konstituennya kecuali diluluskan oleh Bank. Apa-apa butir pengubahan atau pindaan yang disahkan hendaklah dikemukakan kepada Bank dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh pengubahan atau pindaan itu dibuat. *Fasal 12 (3)* melarang apa-apa pengubahan atau pindaan dibuat yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis.

14. *Fasal 13* meletakkan suatu kewajipan ke atas Bank untuk menyiarkan suatu senarai tahunan dan senarai kemaskini kesemua bank luar pesisir berlesen dan nombor lesen masing-masing di dalam *Warta*.

15. *Fasal 14* melarang suatu bank luar pesisir berlesen daripada menjalankan perniagaan bank luar pesisir dalam, dari atau melalui mana-mana tempat dalam Malaysia kecuali dalam Wilayah Persekutuan Labuan dan daripada membuka apa-apa pejabat dalam Wilayah Persekutuan Labuan selain daripada tempat utama perniagaannya. Jika bank luar pesisir itu adalah suatu syarikat luar pesisir, ia adalah juga dilarang daripada membuka apa-apa pejabat atau memperolehi atau menubuhkan apa-apa subsidiari dalam Wilayah Persekutuan Labuan dan dalam mana-mana tempat di luar Malaysia kecuali dengan keizinan Bank.

16. *Fasal 15* melarang suatu bank luar pesisir berlesen daripada membuka beberapa jenis akaun tertentu dan akaun yang pelanggannya tidak diketahui oleh bank itu.

17. *Fasal 16* menghendaki suatu bank luar pesisir berlesen melantik setiap tahun seorang juruaudit diluluskan untuk menjalankan audit

ke atas akaun-akaunnya. mengulas mengenai sistem perakaunan dan kawalannya dan mengemukakan satu laporan kepada peserta-peserta bank itu dan kepada Bank mengenai perkara-perkara tersebut. Bank adalah diberikuasa di bawah *fasal 16 (3)* untuk mendapatkan penjelasan-penjelasan berkenaan laporan daripada juruaudit diluluskan itu dengan tidak menyalahi/asa/ 2/.

18. *Fasal 17* menghendaki penyata kira-kira dan kewangan suatu bank luar pesisir berlesen dikemukakan kepada Bank dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penutupan tahun kewangannya. Akaun diluluskannya hendaklah dikemukakan kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh akaun-akaun itu diluluskan.

19. *Fasal 18* menghendaki suatu bank luar pesisir mengemukakan suatu pernyataan harta dan tanggungannya kepada Bank mengenai operasinya dalam, dari dan melalui Wilayah Persekutuan Labuan. Maklumat yang dikemukakan di bawah *fasal 18* kepada Bank adalah rahsia di antara bank luar pesisir itu dan Bank tetapi *fasal 18* dan mana-mana peruntukan mengenai kerahsiaan yang lain dalam mana-mana undang-undang bertulis tidak akan mencegah Bank daripada menyiarkan pernyataan-pernyataan disatukan dengan mengumpul angka-angka dalam pernyataan-pernyataan harta dan tanggungan yang telah dikemukakan kepadanya.

20. *Fasal 19* menghendaki suatu bank luar pesisir membayar fee tahunan bagi lesen sebagaimana dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Rang Undang-Undang ini.

21. *Fasal 20 (1)* melarang bank-bank luar pesisir berlesen daripada menjalankan apa-apa perniagaan, atau urusanniaga dalam matawang Malaysia. Walaupun begitu *fasal 20 (2)* membolehkan bank luar pesisir membeli dan menjual matawang asing dengan bersandarkan matawang Malaysia dan juga melibatkan diri dalam transaksi tukar ganti (*swaptransaction*) yang membabitkan matawang Malaysia. Rasional bagi peruntukan-peruntukan ini ialah untuk mengelakkan ringgit daripada diperdagangkan di pasaran antarabangsa (*internationalisation of the ringgit*) dan juga bagi membolehkan transaksi-transaksi yang biasanya dijalankan oleh bank-bank luar pesisir. Namun demikian transaksi-transaksi ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Kawalan Pertukaran 1953. *Fasal 20(3)* memperuntukkan bahawa mana-mana bank luar pesisir yang melanggar *fasal 20 (1)* adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi amaun matawang Malaysia yang menjadi hal perkara kesalahan itu dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, denda harian yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun matawang Malaysia yang menjadi hal perkara kesalahan itu. *Fasal 20 (4)* memperuntukkan bahawa mana-mana pengarah atau pegawai bank luar pesisir berlesen yang bersubahat, menyetujui atau berkompromi dalam melakukan kesalahan itu adalah juga melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dihukum dengan

dipenjara bagi tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau kedua-duanya sekali.

22. *Fasal 21* menyekat Menteri daripada mengarah Bank, dan bank itu sendiri daripada, menyiasat secara khusus mengenai identiti, akaun dan hal ehwal mana-mana pelanggan tertentu mana-mana bank luar pesisir berlesen.

23. *Fasal 22* memperuntukkan mengenai kerahsiaan bank, khususnya bagi penyenggaraan kerahsiaan maklumat berhubung dengan hal ehwal atau akaun mana-mana pelanggan tertentu bank luar pesisir berlesen dan melarang pendedahan maklumat sedemikian oleh pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai bank luar pesisir dan oleh mana-mana orang, termasuklah Bank Negara Malaysia dan pengarah-pengarahnya dan pegawai-pegawainya, yang untuk apa-apa sebab pun mempunyai akses kepada mana-mana rekod, buku, daftar atau surat menyurat pelanggan itu. Ia juga melarang mana-mana orang yang memiliki apa-apa maklumat atau dokumen dengan menyalahi *fasal 22 (1)* daripada mendedahkan selanjutnya maklumat atau dokumen tersebut kepada mana-mana orang. Larangan tersebut, walau bagaimanapun tidaklah terpakai berhubung dengan pendedahan apa-apa maklumat atau dokumen di bawah suatu perintah Mahkamah Tinggi dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan di dalam *fasal* ini. Tambahan lagi, peruntukan Akta Bank Banker (Keterangan) 1949, kecuali seksyen 7, adalah masih terpakai kepada bank-bank luar pesisir berlesen.

24. *Fasal 23* memberi kuasa kepada Bank untuk memeriksa, di bawah keadaan kerahsiaan, buku-buku dan dokumen-dokumen lain bank luar pesisir untuk menentusahkan pengemukaan-pengemukaan yang dibuat di bawah *fasal 17* dan *18*. Proviso kepada *fasal* ini menjelaskan bahawa kuasa untuk memeriksa buku-buku dan dokumen-dokumen di bawah *fasal* ini tidaklah membenarkan Bank menyiasat secara khusus mengenai identiti, akaun atau hal ehwal mana-mana pelanggan tertentu bank luar pesisir.

25. *Fasal 24 (1)* menjadikan apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Rang Undang-Undang ini suatu kesalahan jenayah. *Fasal 24 (2)* memperuntukkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang lebih serius di bawah Rang Undang-Undang ini, khususnya, pelanggaran *fasal 4, 10, 15, 22 (1)* dan *fasal 22 (2)*, iaitu suatu tempoh penjaran tidak melebihi lima tahun atau suatu denda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, tambahan denda harian sepuluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu terus dilakukan. Bagi kesalahan-kesalahan lain di bawah Rang Undang-Undang ini *fasal 24 (3)* memperuntukkan penalti am iaitu tiga tahun penjara atau denda lima juta ringgit atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan denda harian sebanyak lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

26. *Fasal 25* memberikuasa kepada Gabenor Bank untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Rang Undang-Undang ini.
27. *Fasal 26* memperuntukkan bahawa Kerajaan, Bank dan pegawai-pegawai Kerajaan dan pegawai-pegawai Bank adalah terlepas dari menanggung rugi atau liabiliti daripada apa-apa prosiding perundangan mengenai kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi mereka di bawah Rang Undang-Undang ini yang dilaksanakan dengan niat baik,
28. *Fasal 27* memberikuasa kepada Menteri, atas syor Bank, untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Rang Undang-Undang ini.
29. *Fasal 28* menjejaskan bahawa Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 yang dicadangkan itu adaJah lerpakai kepada bank-bank luar pesisir dan syarikat-syarikat luar pesisir asing, dan Akta Syarikat 1965 adalah terpakai kepada bank-bank luar pesisir yang adalah cawangan-cawangan bank Malaysia, sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang ini. Namun demikian, jika terdapat percanggahan atau ketakkonsistenan di antara peruntukan-peruntukan Akta-Akta tersebut dan Rang Undang-Undang ini, peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang ini adalah terpakai. *Fasal 28 (3)* memberi kuasa kepada Menteri untuk menyelesaikan, melalui arahan bertulis, apa-apa kesulitan atau keraguan yang berbangkit daripada pemakaian *fasal 28*.
30. *Fasal 29* memperuntukkan bahawa Akta Kawalan Pertukaran 1953 hendaklah terpakai dan mengatasi Rang Undang-Undang ini.
31. *Fasal 30* memperuntukkan bahawa Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 hendaklah tidak terpakai kepada bank-bank luar pesisir berlesen,
32. *Fasal 31* adalah kuasa Menteri untuk mengecualikan, atas syor Bank, mana-mana orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Rang Undang-Undang ini.
33. *Fasal 32 (1)* memperuntukkan bagi pengeluaran dengan mudah oleh seseorang waris akan deposit si matt, tidak melebihi lima ribu ringgit, yang ada pada bank luar pesisir berlesen, tanpa mengemukakan surat probet atau suratkuasa mentadbir waris itu. Walau bagaimanapun waris itu perlu mengemukakan bukti yang memuaskan mengenai kematian simati dan haknya terhadap jumlah yang terdapat pada kredit si mati. Bank luar pesisir berlesen adalah diberi kuasa membayar wang itu kepada waris berkenaan jika ia liada menerima tuntutan-tuntutan yang lain terhadap wang itu. *Fasal 32 (2)* melindungi bank luar pesisir berlesen daripada menanggung rugi atau apa-apa liabiliti yang berbangkit daripada pembayaran di bawah *fasal 32 (1)* tetapi orang kepadanya pembayaran itu dibual adalah terdedah kepada apa-apa tuntutan mengenai pembayaran itu.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dengan apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1611.]